

Qalam

Bilangan 92 Rejab 1377 Mac 1958 70 sen

Pelajaran Agama di Sekolah-sekolah Inggeris

Kementerian Pelajaran Singapura telah mengadakan suatu siaran “pertanyaan” kepada ibu bapa kanak-kanak sekolah-sekolah Inggeris di seluruh Singapura mengenai: Apakah agama bagi kanak-kanak mereka di sekolah itu yang hendak diajarkan sebagai menyempurnakan rancangan-rancangan pelajaran.

Di dalam pertanyaan itu ditandakan beberapa jenis agama yang mesti dipangkah oleh ibu bapa dan sudah barang tentu bagi ibu bapa orang-orang Islam menghendaki anaknya diajarkan dengan pelajaran Islam.

Tatkala pihak Kementerian Pelajaran ditanya tentang pelajaran ini: Adakah menggunakan huruf Jawi atau Rumi, maka sesuatu ketentuan belum lagi dapat diberi, dan dikatakan pula bahawa kelak akan diminta nasihat daripada Pejabat Agama Johor tentang corak mengajarkan pelajaran-pelajaran agama itu.

Di sebalik mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah kerajaan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai pengantarnya maka kanak-kanak Islam, mulai daripada darjah permulaan satu, diajar pula bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Rumi. Di dalam darjah satu itu, kanak-kanak yang baharu itu menggunakan buku “Janet and Jones” suatu buku rendah tetapi semasa dengan itu pula, pada setengah-setengah tempat, diajarkan buku “Sinar

Baharu” yang keadaannya jauh lebih tinggi daripada bacaan yang diajarkan di dalam bahasa Inggeris itu.

Sudah terang pula dengan mempelajari bahasa Inggeris di sekolah-sekolah itu kanak-kanak tadi dapat mengenal huruf-huruf Latin (Rumi) dan dengan sendirinya kelak ia akan dapat Rumi kelak.

Tetapi tidakkah molek kalau kiranya, dalam menyesuaikan tujuan hendak mengajar agama Islam di sekolah-sekolah Inggeris bagi kanak-kanak Islam itu, diselarikan dengan mengajar bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Jawi beserta dengan mengajar agama sekali kerana walau bagaimanapun dalam mengajar agama kepada mereka itu mestilah mereka diajar dengan huruf Jawi sebab sangat sulit hendak mengajarkan agama itu dengan menggunakan huruf Rumi.

Kerana itulah langkah-langkah mengajar huruf Jawi di sekolah-sekolah Inggeris sudah pada tempatnya digalakkan sebagai ganti mengajar bahasa Melayu dengan huruf Rumi di sekolah-sekolah Inggeris supaya kelak menjadikan kemudahan kepada kanak-kanak dalam usaha ini.

Kita berkeyakinan bahawa dengan cara ini akan didapat dua pelajaran dalam satu usaha – iaitu mengajar bahasa Melayu dengan huruf Rumi terus mengajar agama sekali.

Hanyasanya buku-buku untuk mengajar bahasa Melayu dengan huruf Jawi itu hendaklah disusun mengikut kaedah yang bersesuaian dengan tujuan itu. Buku pelajaran bahasa Melayu seperti yang telah pernah digunakan di sekolah-sekolah itu hendaklah diganti dengan buku-buku mempelajari bahasa Melayu sambil isinya diajarkan pelajaran agama dengan beransur-ansur yang bersesuaian dengan keadaan atau kedudukan kanak-kanak yang menerimanya – tidak terlalu tinggi seperti

perbezaan di antara pelajaran bahasa Melayu menggunakan buku Rumi dengan pelajaran bahasa Inggeris dengan menggunakan “Buku Janet and Jones” yang jauh lebih rendah daripada pelajaran Rumi itu. Mengadakan bacaan-bacaan tinggi kepada anak-anak yang baharu itu samalah ertinya merosakkan pertumbuhan kehidupan mereka sendiri.

Menghapuskan Kezaliman

Sebuah kerajaan baharu telah berdiri di Padang, di Sumatera Tengah di Indonesia pada 15 Februari 1958 dengan Mr Syafruddin Prawiranegara, bekas Gabenor Tinggi Indonesia dan bekas Presiden Pemerintah Darurat Indonesia Sukarno dalam masa ditahan Belanda di Bangka dahulu (menyerah kepada Belanda). Leftenan Kolonel Ahmad Husein, ketua Dewan Banteng adanah (adalah) sebagai Gabenor tenteranya.

Kerajaan ini ditubuhkan ialah setelah pada 10 Februari 1958 mereka memberi kata dua kepada Presiden Sukarno supaya membubarkan Jemaah Menteri Juanda dan membubarkan Dewan Nasional yang ditubuhkan oleh Sukarno dengan konsepsinya serta memberi tugas kepada bekas wakil Presiden Dr Muhammad Hatta dan Sultan Hamengkubuwono menubuhkan sebuah Jemaah Menteri baharu untuk menyelenggarakan keadaan yang kucar-kacir hari ini. Mereka berkeyakinan: Hanya dua orang inilah sahaja yang dipercayai rakyat untuk menegakkan sebuah negara yang membawa kemakmuran rakyat seluruhnya.

Tetapi sambutan Sukarno dan kumpulannya adalah sebaliknya – mereka tidak mahu sama sekali menerima Hatta atau Hamengkubuwono. Mereka orang-orang yang tidak disukainya dan kerana itu akhbar-akhbar yang dikatakan dibelanjainya seperti “Bintang Timur” dan lain-lain akhbar mengkritik dengan cara caci maki – membuat fitnah

memburuk-burukkan Hatta dan lain-lainnya yang tidak disukai oleh Sukarno.

Apa yang serong itu sebenarnya tidak dibenarkan Tuhan berjalan terus dengan sekehendak hatinya. Jika tadinya rakyat dan orang-orang besar Indonesia berfikir-fikir hendak mengambil langkah menghalang kemahuan Sukarno kerana kuat pengaruhnya di kalangan rakyat dan tentera maka sesudah melihat keadaan-keadaan telah melewati batas (“melebihi daripada keganasan Gabenor Jeneral Belanda zaman penjajahan” – kata orang di Sumatera) dan tidak dapat dibiarkan lagi maka kekuatan jiwa yang membawa kesedaran itu telah bangkit dan tidak dapat ditahan-tahan oleh pemimpin-pemimpin Indonesia yang telah sedar kepada tanggungjawabnya maka mereka dengan tegas dan berani lalu menentang Sukarno kerana mereka mengetahui bahawa sekarang umat telah sedar kepada songlap Sukarno dan pengaruh Sukarno, di kalangan kaum pertengahan sudah hapus dan rakyat jelata, terutamanya di Sumatera, dari sehari ke sehari telah menyedari bahawa Sukarno telah membawa pemerintahan birokrasi, sehingga pernah tersiar ia bertitah hendak mewariskan jabatan Presiden itu – kepada anaknya, Guntur.

Sumpah yang dilakukan oleh mereka yang mengisytiharkan pemerintahan di Sumatera itu adalah dengan nama Allah Tuhan yang sangat pengasih lagi penyayang dan berharap kepada taufik dan hidayah-Nya – dan kita yakin bahawa taufik dan hidayah-hidayah Tuhan akan dilimpahkan kepada mereka untuk membanteras munafik-munafik yang menghalang berdirinya negara Islam di Indonesia itu, munafik-munafik yang menegakkan negara penentang Islam, munafik yang menghidupkan musuh-musuh Tuhan di negara Islam yang berbuat semau-maunya dengan tidak menyedari dirinya akan dilaknat oleh Tuhan.

Semoga Allah akan menyertai perjuangan menghapus kezaliman dan menegakkan hak di Indonesia itu.